

17/05/2000

Peluang pelajar IMU masih cerah

Mohd Fuad Razali

HARAPAN 34 pelajar Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) tajaan Mara untuk berunding dengan penaja mereka bagi meneruskan pengajian mereka di luar negara nampaknya masih cerah.

Ini kerana Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Nazri Tan Sri Aziz dan Pengerusi Mara, Datuk Wira Abu Seman Yusop dijadual mengadakan pertemuan dengan semua pelajar terbabit minggu ini untuk membincangkan perkara berkenaan.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata perkara itu dimaklumkan sendiri oleh Abu Seman dalam pertemuan dengan beliau berhubung isu itu baru-baru ini.

Menurutnya, Abu Seman menjelaskan Mara memang ada program khas untuk membolehkan pelajar berkenaan ke luar negara iaitu di universiti yang diiktiraf oleh antarabangsa supaya mereka berpeluang mendapat kepakaran dan khidmat tenaga pengajar luar negara.

"Beliau membayangkan jika pelajar tidak berpeluang belajar sepenuhnya di luar negara, sekurang-kurangnya mereka dihantar untuk menjalani latihan klinikal di sana," katanya kepada Berita Harian, ketika dihubungi semalam.

Baru-baru ini, akhbar melaporkan harapan 34 pelajar tajaan Mara yang menuntut di IMU untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara tahun ini, mungkin tidak kesampaian kerana tarikh tutup untuk mereka mengemukakan permohonan berbuat demikian melalui IMU adalah pada 12 Mei lalu.

Bagaimanapun, pelajar terbabit tidak dibenarkan membuat permohonan itu kerana Mara dikatakan tidak mengeluarkan sebarang arahan bertulis membenarkan mereka berbuat demikian, kerana sebelum ini Mara dikatakan sudah memutuskan pelajar yang pada asalnya dijanjikan untuk dihantar ke luar negara itu, supaya meneruskan pengajian mereka sehingga tamat di universiti berkenaan.

Sehubungan itu, Suhaimi dalam sidang akhbar minggu lalu meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Nazri campur tangan menyelesaikan isu ini.

Malah beliau percaya Nazri tidak diberi gambaran sebenar mengenai kedudukan kewangan Mara menyebabkan beliau bersetuju pelajar terbabit menamatkan pengajian mereka di IMU sahaja.

Pelajar terbabit yang merupakan lepasan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dipilih mengikuti program perubatan di IMU oleh Mara menerusi program khas bagi tujuan menyediakan ahli profesional Melayu dalam bidang perubatan pada 1997/98.

Pada sesi 1997/98 mereka mengikuti program matrikulasi di Kolej Taylor's dan Kolej Antarabangsa Pulau Pinang. Selepas itu meneruskan pengajian peringkat sarjana muda dalam bidang perubatan di IMU pada sesi 1998/99.

Pada mulanya Mara berjanji akan menghantar pelajar terbabit ke seberang laut selepas selesai dua setengah tahun pengajian di IMU untuk meneruskan pengajian pada peringkat klinikal selama dua setengah tahun lagi.

Bagaimanapun atas alasan kegawatan ekonomi, Mara membuat keputusan supaya pelajar terbabit meneruskan pengajian di Sekolah Klinikal IMU yang baru saja ditubuhkan di Seremban.

Bagaimanapun, Suhaimi berkata, beliau dimaklumkan sekolah itu masih belum mempunyai kemudahan mencukupi untuk pelajar membuat latihan klinikal. Misalnya, kemudahan rujukan dan bahan yang sepatutnya digunakan untuk tujuan pembelajaran belum mencukupi.

Selain itu, program yang dikendalikan oleh IMU juga dikatakan belum

mendapat pengiktirafan Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Pengerusi dan Ketua Eksekutif LAN, Prof Dr Mohamed Sulaiman sewaktu dihubungi minggu lalu mengesahkan perkara itu dan menyatakan IMU mungkin perlu satu atau dua tahun lagi untuk mendapat perakuan akreditasi kerana kumpulan pertama pelajarnya belum lagi memasuki tahun akhir.

Suhaimi juga sudah berjumpa sendiri dengan Dr Mahathir untuk berbincang mengenai perkara yang sama.

Menurutnya, dalam pertemuan itu, Perdana Menteri mengakui memang pada awalnya kerajaan berjanji untuk menghantar pelajar ke luar negara tetapi kegawatan menyebabkan hasrat itu terbantut.

"Bagaimanapun Dr Mahathir memberi jaminan pelajar terbabit tidak akan disia-siakan. Malah kerajaan menjamin akan memastikan mereka mendapat kemudahan yang mencukupi serta pengiktirafan untuk membolehkan mereka menjadi ahli profesional yang diiktiraf," katanya.

Suhaimi berkata, Dr Mahathir juga melahirkan pandangan lebih suka jika pelajar mengikuti pengajian dalam negara kerana rakyat Malaysia sepatutnya yakin dengan sistem dan mutu pendidikan negara sendiri.

"Pandangan Perdana Menteri itu memang betul. Bagaimanapun, kesilapannya adalah pada Mara yang sudah berjanji dengan pelajar terbabit. Oleh itu, biarlah kita beri peluang pelajar berjumpa dengan Mara dan membuat pilihan mereka sendiri," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana bersedia berjumpa dan mendengar keluhan pelajar terbabit sewaktu Perhimpunan Agung Umno berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra, minggu lalu.

(END)